

FOTO: HAIRUL ANUAR RAHIM



CHAN Jie (kiri) dan Irene dinobatkan Olahragawan dan Olahragawati SUKIPT 2016.

Pecah **tiga** rekod acara renang

Oleh **Mohamad Fahd Rahmat**
 fahd@hmetro.com.my

Johor Bahru: Perenang kebangsaan mewakili Kolej Sunway Chan Jie dan atlet Universiti Malaya (UM) Irene Chong See Win dinobatkan Olahragawan dan Olahragawati Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2016 yang melabuhkan tirainya semalam.

Lebih manis apabila Chan Jie memecah tiga rekod kejohanan acara renang 100 meter gaya bebas, 50m gaya kupu-kupu dan 50m gaya bebas dengan catatan peribadi iaitu 52.04 saat, 25.17s dan 23.40s di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di sini.

Chan Jie yang gembira dengan kejayaan itu berkata, dia tidak menyangka dino-

batkan atlet terbaik kejohanan berikutan saingan sengit peserta lain.

"Saya berjaya mendapat empat pingat emas dan tiga gangsa selain memecahkan tiga rekod kejohanan dalam acara renang.

"Selepas ini saya memberikan tumpuan latihan bagi persiapan menyertai Sukan SEA tahun depan," katanya yang juga pelajar Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) semester tiga.

Sementara itu, bagi Irene, kejayaan kali ini dapat menebus kekecewaan SUKIPT 2014 apabila sekadar meraih gangsa acara 400m rampaian dan perak 800m gaya bebas.

Irene menggondol empat emas, satu perak dan dua

gangsa dalam kejohanan berkenaan yang bermula sejak 25 Januari lalu.

Kedua-duanya membawa pulang piala pusingan dan piala iringan selain tiket penerbangan pergi-balik ke Bali Indonesia tajaan syarikat Air Asia yang disampaikan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Md Jais Sarday.

Sementara itu, Universiti Teknologi Mara (UiTM) dinobatkan juara keseluruhan SUKIPT 2016 dengan 53 emas, 46 perak dan 35 gangsa diikuti Universiti Putra Malaysia (UPM), 41 emas, 19 perak dan 22 gangsa.

UM ketiga dengan 25 emas, 17 perak dan 14 gangsa.